

# Generasi muda digesa kuasai ilmu perniagaan

BH - 20/10/2019 m/s: 2

**Kuala Lumpur:** Tun Dr Mahathir Mohamad mengesa generasi muda mempelajari dan mendalami ilmu pengurusan kewangan dan perniagaan sebaik mungkin ketika mengharungi ekonomi dalam tempoh lima tahun akan datang.

Perdana Menteri yang menjawab soalan pengguna *Instagram* dikenali sebagai 'nasmi.akabar', berkata ilmu sedemikian akan mempersiapkan diri mereka untuk mengendali dan menguruskan perniagaan.

Dr Mahathir juga mengambil peluang melayan pertanyaan pengguna lain melalui perbualan secara langsung dalam *Instagram* yang kemudian disusun atur dalam bentuk video berdurasi dua minit 45 saat dan dimuat naik ke akaun *Youtube* beliau, semalam.

Kepada soalan bagaimana menangani unsur negatif sepanjang zaman kepemimpinannya, Perdana Menteri memberitahu pengguna 'azzm.azmn', beliau harus ada disiplin tinggi dan mengingatkan diri untuk tidak melakukan perkara tertentu yang tidak baik bagi dirinya.

Dr Mahathir memberi contoh perkara yang tidak baik itu seperti makan berlebihan atau terbabat dalam aktiviti keseronokan yang menjejaskan.

Menjawab soalan 'hazeeq.z' bagaimana mahu kekal bermotivasi untuk belajar, beliau berkata: "Pertamanya, *study* (belajar) amat penting untuk kebaikan diri kita kerana dengan 'study' kita akan dapat lebih banyak ilmu, dengan ilmulah yang menolong kita dalam kehidupan.

"Kita harus menerapkan nilai-nilai hidup yang mulia seperti kerajinan dan amanah untuk kita berjaya dalam usaha-usaha kita," kata Perdana Menteri.

Diminta nasihat oleh 'zuhaili\_13' bagaimana menjadi pemimpin sepertinya, Dr Mahathir menjelaskan, pemimpin mesti sanggup menghadapi cabaran, berkebolehan menyelesaikan masalah dan mendapat sokongan serta kesetiaan daripada pengikut.

Kepada soalan 'zakiamir' mengenai perkara utama ingin diselesaikannya agar dapat bersara dengan hati tenang, Dr Mahathir menengulangi komitmennya untuk menyelesaikan kebanyakan masalah membelenggu negara ke tahap boleh diselesaikan.

BERNAMA